

13hb. Mac, 1978

(Cawangan Naik Pangkat dan Tatatertib)

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 4 TAHUN 1978

TUNGGAKAN ELAUN MEMANGKU/ELAUN TANGGUNGAN KERJA MULAI DARIPADA 1.1.1976 BERIKUTAN DENGAN PERLAKSANAAN PERUBAHAN GAJI KABINET.

Adalah saya diarah menarik perhatian kepada [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 15/1977](#) bertarikh 28hb. Julai, 1977, serta memaklumkan bahawa Kerajaan telah memutuskan iaitu pembayaran elaun memangku/elaun tanggungan kerja dengan berdasarkan kepada sekim gaji baru Kabinet boleh dilakukan mulai daripada 1.1.1976.

2. Untuk tujuan ini, maka peraturan-peraturan memangku/menanggung kerja serta cara-cara perkiraan elaun memangku/elaun tanggungan kerja dalam [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 1977](#) yang menetapkan bahawa kelayakan menerima elaun memangku/elaun tanggungan kerja dengan berpandukan kepada **peruntukan sekim perkhidmatan** itu hendaklah dipatuhi dengan sepenuhnya.

3. Apabila perkiraan semula elaun memangku/elaun tanggungan kerja dikebelakangkan kepada 1.1.1976, maka tidak dapat tidak jumlah elaun memangku/elaun tanggungan kerja yang telah dibayar mengikut perkiraan lama akan berbeza dengan jumlah elaun memangku/elaun tanggungan kerja mengikut perkiraan [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6/77](#). Jika sekiranya jumlah elaun memangku/elaun tanggungan kerja mengikut perkiraan baru itu lebih daripada

jumlah elaun mengikut perkiraan lama, maka perbezaan jumlah itu bolehlah dibayar mulai daripada 1.1.1976 atau daripada tarikh pegawai itu diluluskan memangku/menanggung kerja dimana yang terkemudian. Jika jumlah elaun memangku/ elaun tanggungan kerja mengikut perkiraan yang baru itu adalah kurang daripada jumlah yang telah dibayar mengikut perkiraan lama, maka kelebihan bayaran yang berlaku itu tidak perlu dipungut balik. Pembayaran tunggakan jika ada, hanyalah bagi tempoh 1.1.1976 hingga 30.6.1977 sahaja.

4. Sebarang kemusykilan yang timbul mengenai Surat Pekeliling Perkhidmatan ini, hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia.

Sekian.

Saya yang menurut perintah

(IBRAHIM BIN ABDUL MALEK)

Bahagian Perkhidmatan,

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,

Malaysia.

Ketua Setiausaha Negara.
Semua Ketua-ketua Setiausaha Kementerian.
Ketua-ketua Jabatan Persekutuan.
Y.B. Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri.

Salinan: Ketua Setiausaha Negara,

Jabatan Perdana Menteri,

Jalan Dato'Onn,

Kuala Lumpur.

Ketua Setiausaha,

Perbendaharaan Malaysia,

Kuala Lumpur.

Ketua Setiausaha,

Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan,

Jalan Young,

Kuala Lumpur.

Juru Odit Negara,

Jabatan Odit Malaysia,

Kuala Lumpur.